

Anwar sedia selesai isu upah p-hailing

PM minta tempoh seminggu untuk bertemu syarikat bincang kadar bayaran

Oleh Latifah Arifin dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta tempoh seminggu untuk bertemu dengan semua syarikat p-hailing di negara ini, bagi membincangkan isu berkaitan kadar upah pengambilan dan penghantaran yang didakwa semakin rendah.

Perdana Menteri berkata, beliau mahu mendapatkan penjelasan secara langsung daripada

semua syarikat berkenaan berhubung situasi itu yang dilihatnya agak membebankan pekerja p-hailing.

“Bagi saya seminggu, saya akan panggil semua syarikat p-hailing, akan jumpa di Pejabat Perdana Menteri, nak sampaikan pandangan saudara semua.

“Saya kena panggil syarikat ini (tanya) sebab apa (kadar upah) daripada RM7 (turun) kepada RM6, itu dia (syarikat) kena terangkan. Itu yang mampu saya buat bagi meringankan beban saudara-saudara semua,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Temu Anwar sempena Program Himpunan Rider MADANI Selangor yang turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan kira-kira 5,000 rider seluruh Selangor.

Perdana Menteri menjawab pertanyaan seorang penghantar p-hailing yang mendakwa mereka menerima bayaran terlalu



Penunggang motosikal bagi perkhidmatan p-hailing berkumpul pada Sesi Temu Anwar sempena Program Himpunan Rider MADANI Selangor di Laman MBPJ, Petaling Jaya, semalam. (Foto Aizuddin saad/BH)

rendah daripada syarikat berkenaan, selepas menghantar pesanan.

Dalam program itu, seorang penghantar p-hailing menuntut bayaran serendah RM7 bagi satu pesanan, selain mendakwa kadar diterima mereka semakin hari semakin menyusut.

Penghantar itu mendakwa sekarang ini mereka hanya dibayar RM6 untuk satu pesanan dan kadang-kadang ada yang menerima RM5 dan RM4.

Tubuh sekretariat selia

Pada majlis sama, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan awal RM1 juta untuk mewujudkan satu sekretariat bagi menyelaras pengurusan dan mengawal selia perkhidmatan p-hailing.

Anwar berkata, menerusi sekretariat itu, penyelarasan p-hailing akan dibuat secara berte-

rusan, termasuk menyelesaikan pelbagai isu berbangkit dihadapi pekerja penghantar makanan.

“Bagi menyelaras kegiatan penghantar makanan, saya dahulukan RM1 juta hari ini. Ini bagi membantu anak dalam sektor gig ini yang kebanyakannya di Lembah Klang,” katanya.

Beliau berkata, matlamat sekretariat itu adalah menghimpunkan komuniti penghantar makanan secara sistematik.

“Ada yang memberikan pandangan bagaimana cara untuk bantu anak-anak dalam ‘gig rider’, ia tak boleh dilakukan secara *one-off*, perlu ada satu sekretariat yang membuat penyelarasan untuk semua penghantar makanan.

“Ini penting, jika tak, ia akan jadi tak teratur termasuk untuk menyelesaikan pelbagai isu membabitkan penghantar maka-

nan seperti isu membuat pinjaman bank, insurans dan masalah dengan PERKESO,” katanya yang meminta kelompok penghantar makanan di Selangor memilih seorang jurucakap yang akan menguruskan sekretariat itu.

Dalam pada itu, Anwar turut mempertimbangkan peruntukan tambahan menerusi Tekun Nasional untuk rider penghantaran, bagi pembelian motosikal baharu.

Katanya, setakat ini, RM10 juta diperuntukkan bagi tujuan itu.

“Setakat ini, RM10 juta sudah diperuntukkan menerusi Tekun Nasional, dengan pembiayaan maksimum sehingga RM10,000 kepada rider penghantaran untuk pembelian motosikal baharu. Jika RM10 juta ini habis digunakan, kita akan tambah lagi,” katanya.